

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN BOLA JARING

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Dijalankan mengikut Undang-Undang Gabungan Persekutuan Bola Jaring Wanita Antarabangsa (IFNA) dan Peraturan-Peraturan AM MSSMK / MSSM.

2. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan berpasukan antara MSS Daerah bagi kategori umur 12, 15 dan 18 tahun ke bawah.

3. KELAYAKAN PEMAIN

- 3.1 Kategori 12 tahun ke bawah : Lahir pada atau selepas
- 3.2 Kategori 15 tahun ke bawah : Lahir pada atau selepas
- 3.3 Kategori 18 tahun ke bawah : Lahir pada atau selepas

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1. Tidak melebihi 10 orang pemain.
- 4.2. Borang Pendaftaran dan Borang Pendaftaran Individu hendaklah diisi dengan lengkap dan di serahkan kepada pengeloa 30 minit sebelum perlawanan pertama dimulakan.
- 4.3. Kad pengenalan dan salinan sijil kelahiran yang di sahkan oleh guru besar bagi kategori umur 12 tahun ke bawah hendaklah di serahkan kepada pengeloa semasa pendaftaran pasukan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pemain tersebut tidak dibenarkan bermain.
- 4.4. Pasukan boleh mendaftarkan dua (2) orang pemain tingkatan 6 Atas bagi kategori umur 18 tahun ke bawah dengan mematuhi Peraturan AM MSSM - Perkara 3.1.4 hingga 3.1.7.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1. Pusingan awal - liga kumpulan. Johan dan naib johan kumpulan layak ke peringkat separuh akhir.
- 5.2. Separuh akhir dan akhir - kalah keluar.

6. CARA MEMBUAT KEPUTUSAN

- 6.1 Pusingan awal: menang - 2 mata, seri - 1 mata, kalah - 0 mata. jika dua atau lebih pasukan mendapat mata yang sama pemenang akan di tentukan seperti berikut :
 - a. Secara purata gol, iaitu dengan membahagikan jumlah gol yang dijaringkan dengan jumlah gol yang kena.
 - b. Perbezaan gol .
 - c. Pasukan yang menjaringkan gol terbanyak.
- 6.2 Separuh akhir dan akhir : jika seri a Masa tambahan selama 7 minit + 7 minit b Pasukan bertukar kawasan gol separuh masa tanpa rehat dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah.
 - c Jika masih seri di akhir masa tambahan, permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat kelebihan Dua (2) gol.

7. PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 7.1 Jawatankuasa pertandingan akan memutuskan perlawanan yang di tangguhkan.

8. PAKAIAN

- 8.1 Semua pemain mesti memakai "Track bottom". Seluar pendek atau skirt tidak dibenarkan.
- 8.2 Tiap-tiap pasukan dikehendaki membawa 2 set Bib. Jika berlaku persamaan warna, undian akan dilakukan. Pasukan yang kalah dikehendaki menukar bib.
- 8.3 Kesemua pemain diwajibkan memakai kasut sepanjang perlawanan.

9. GELANGGANG DAN PERALATAN

10. MASABERMAIN

- 10.1 12 tahun ke bawah
 - 10.1.1 Semua peringkat pertandingan : 20 minit + 5 minit + 20 minit
- 10.2 15 dan 18 tahun ke bawah
 - 10.2.1 Perlawanan Pusingan awal : 20 minit + 5 minit + 20 minit
 - 10.2.2 Perlawanan Separuh akhir : 20 minit + 5 minit + 20 minit
 - 10.2.3 Perlawanan Akhir : 15 minit + 3 minit + 15 minit + 5 minit + 15 minit + 3 minit + 15 minit

11. KELEWATAN

15 minit akan diberikan untuk masa kelewatan. Jika selepas masa itu, sekiranya pasukan tersebut tidak dapat hadir sekurang-kurangnya dengan 5 orang pemain, maka pasukannya dikira kalah dengan jaringan 5 - 0.

12. MENARIK DIRI

- 12.1 Jika sesebuah pasukan menarik diri, maka pasukan tersebut tidak di benarkan meneruskan pertandingan di kejohanan ini.
- 12.2 Pasukan tersebut dianggap tidak menyertai pertandingan ini dengan semua mata dan jaringan gol di batalkan.

13. BANTAHAN

- 13.1 Ditulis dan ditandatangani oleh pengurus pasukan dan di serahkan kepada setiausaha pertandingan selewat-lewatnya setengah jam tamat perlawanan berkenaan
- 13.2 Bantahan mestilah disertakan dengan bayaran wang tunai sebanyak RM 300.00. (Ringgit Malaysia Tiga ratus sahaja).
- 13.3 Wang bantahan tidak akan di kembalikan sekiranya bantahan di tolak.

14. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan di putuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan yang berkenaan dan keputusan adalah MUKTAMAD. Sila rujuk Peraturan Am (Bola Jaring) MSSMK.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pengelolaan Pertandingan :

1. Gelanggang

- 1.1. Tinggi tiang gol - Bawah 12 tahun 8 kaki (2.44 M)
- Bawah 15 dan 18 tahun 10 kaki (3.05 M)
- 1.2. Diameter gelang logam bahagian dalam 380 mm (15 inci).
- 1.3. Lebar garisan gelanggang adalah 2 inci (50 mm)
- 1.4. Jarak tempat duduk pemain simpanan dan pegawai pasukan dari garisan gelanggang sejauh 5 kaki.
- 1.5. Jarak kedudukan penonton dari garisan gelanggang sejauh 8 kaki.

2. Bola

- 2.1. Jika pertandingan diadakan di padang bola untuk pertandingan adalah diperbuat daripada getah.
- 2.2. Jika pertandingan diadakan di dalam dewan (indoor) dan gelanggang simen (hard court) bola yang digunakan adalah diperbuat daripada kulit.
- 2.3. Bola hendaklah bola jaring dan berukuran antara 690 - 710 mm (27 - 28 inci) bersaiz 5. Beratnya ialah antara 400 - 450 gm (14 - 16 auns).

3. Pegawai Pertandingan

- 3.1. Dua orang pengadil bertugas dan seorang pengadil simpanan.
- 3.2. Seorang pegawai pencatat.
- 3.3. Seorang pegawai penjaga masa.
- 3.4. Dua orang pembantu teknikal pencatat papan skor.

4. Tugas-tugas Urusetia Pertandingan

- 4.1. Menyediakan Peraturan Pertandingan .
- 4.2. Mengelolakan pengundian pasukan berdasarkan sisitem pertandingan.
- 4.3. Menyediakan jadual pertandingan.
- 4.4. Menyediakan gelanggang dan peralatan.
- 4.5. Menyediakan borang-borang pertandingan.
- 4.6. Menyediakan carta keputusan.

5. Pembentukan pasukan.

- 5.1. Pemilihan pemain dipilih oleh Jawatankuasa Panel Pemilih yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 5.2. Pemilihan pemain dibuat sepanjang pertandingan dijalankan dan akan di putuskan semasa pemilihan akhir.

6. Undang-undang terkini untuk hantaran ke dalam.

- 6.1 Hantaran ke dalam yang akan diambil oleh pemain, tidak perlu menunggu isyarat pengadil.
- 6.2 Kedudukan kaki mendarat, paling hamper dengan garisan gelanggang tetapi tidak memijak garisan. (tidak melebihi jarak 2 inci)

CADANGAN PERALATAN BAGI SATU GELANGGANG - PENGELOLAAN

1. Bangku - 2 buah (pengurus pasukan, jurulatih, primary care dan pemain simpanan)
2. Kerusi - 7 buah (3 pengadil, 2 pencatat papan skor, 1 penjaga masa dan 1 pencatat skor)
3. Meja - 2 buah (1 pencatat skor dan 1 penjaga masa)
4. Payung - 2 buah (1 untuk papan skor dan 1 di meja pencatat) jika pertandingan berlangsung di padang.
5. Borang pertandingan - (borang skor, borang pertukaran dan borang keputusan)
6. Jam randik - 2 buah
7. Papan skor - 1 unit
8. Bola pertandingan - 2 biji (mengikut kesesuaian gelanggang)

Ukuran Gelanggang Bola Jaring

Tinggi tiang gol - Bawah 12 tahun 8 kaki (2.44 M)

- Bawah 15 dan 18 tahun 10 kaki (3.05 M)

Diameter gegelang logam bahagian dalam 380 mm (15 inci).

Lebar garisan gelanggang adalah 2 inci (50 mm)

Jarak tempat duduk pemain simpanan dan pegawai pasukan dari garisan gelanggang sejauh 5 kaki.

Jarak kedudukan penonton dari garisan gelanggang sejauh 8 kaki.

UKURAN DAN LAKARAN GELANGGANG PERMAINAN BOLA JARING

